UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

# *FAKTOR-FAKTOR YANG MEMPENGARUHI POTENSI AGRO-PELANCONGAN DALAM KALANGAN KOMUNITI NELAYAN DI DESA WAWASAN NELAYAN*

MAHAZAN BIN MUHAMMAD

IPSS 2015 1

# FAKTOR-FAKTOR YANG MEMPENGARUHI POTENSI AGRO-PELANCONGAN DALAM KALANGAN KOMUNITI NELAYAN DI DESA WAWASAN NELAYAN

© COPYRIGHT UPM

Oleh

**MAHAZAN BIN MUHAMMAD**

**Tesis ini dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti Putra Malaysia, Sebagai Memenuhi Keperluan untuk Ijazah Master Sains**

**Julai 2015**

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk tanpa had teks, logo, ikon, gambar dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya. Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersil daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersil bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia.

Hak cipta © Universiti Putra Malaysia

© COPYRIGHT UPM

Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah Master Sains

**FAKTOR-FAKTOR YANG MEMPENGARUHI POTENSI AGRO-PELANCONGAN DALAM KALANGAN KOMUNITI NELAYAN DI DESA WAWASAN NELAYAN**

Oleh

**MAHAZAN BIN MUHAMMAD**

**Julai 2015**

**Pengerusi : Azimi Bin Hamzah, PhD**
**Fakulti : Institut Pengajian Sains Sosial**

Pada tahun 2007, Lembaga Kemajuan Perikanan Malaysia (LKIM) telah memperkenalkan satu produk pelancongan baharu berasaskan kepada konsep agro-pelancongan di Desa Wawasan Nelayan (DWN) dengan matlamat utamanya adalah untuk membangunkan komuniti nelayan serta memperkasakan ekonomi komuniti pesisir pantai khususnya komunti nelayan. Kebanyakan kajian lepas telah membuat kesimpulan bahawa agro-pelancongan membawa potensi positif terhadap pembangunan ekonomi. Namun begitu, kebanyakan subjek kajian lebih tertumpu kepada komuniti petani dan kurangnya kajian terhadap komuniti nelayan telah mewujudkan jurang dalam penyelidikan ini. Sehubungan dengan itu, kajian ini cuba merapatkan jurang yang wujud ini dengan menjalankan kajian potensi agro-pelancongan dalam konteks komuniti nelayan.

Secara khususnya, kajian ini dijalankan untuk:1) mengenal pasti tahap potensi agro-pelancongan; 2) mengenal pasti tahap penglibatan, pemerkasaan dan pengetahuan komuniti nelayan terhadap agro-pelancongan; 3) menentukan perkaitan di antara penglibatan, pemerkasaan dan pengetahuan terhadap potensi agro-pelancongan; dan 4) untuk mengenal pasti faktor-faktor peramal yang mempengaruhi potensi agro-pelancongan. Kajian ini merupakan kajian kuantitatif melalui kaedah tinjauan menggunakan borang soal selidik menggunakan teknik persampelan secara rawak berlapis. Sebanyak 282 orang responden yang mewakili 10 buah kampung DWN di semenanjung Malaysia telah menjadi responden kajian. Data kajian yang telah dikumpulkan telah dianalisis menggunakan perisian SPSS dan AMOS untuk analisis statistik deskriptif dan inferensi.

© COPYRIGHT UPM

Hasil kajian menunjukkan responden dalam kalangan komuniti nelayan berpandangan bahawa agro-pelancongan di tempat mereka mempunyai potensi pada tahap yang tinggi khususnya dalam pembangunan ekonomi, manakala dari faktor pembolehubah bebas pula penglibatan mencatatkan pada tahap rendah, manakala bagi pemerkasaan dan pengetahuan pada tahap tinggi. Keputusan analisis ujian korelasi menunjukkan bahawa pekali korelasi antara ketiga-tiga pasang pembolehubah bebas (penglibatan, pemerkasaan dan pengetahuan) menunjukkan terdapatnya perkaitan yang signifikan terhadap pembolehubah bersandar iaitu potensi agro-pelancongan. Begitu juga bagi analisis regresi di mana ketiga-tiga pembolehubah bebas merupakan faktor peramal yang signifikan bagi pembolehubah bersandar. Ini bererti potensi agro-pelancongan dipengaruhi oleh penglibatan, pemerkasaan dan pengetahuan. Hasil kajian ini juga tidak bercanggah dengan teori pertukaran sosial yang menunjukkan bahawa seseorang yang menerima kesan baik pelancongan akan bertindak balas dengan bersama-sama mengambil bahagian ataupun akan menyokong pembangunan pelancongan untuk manfaat di masa depan komuniti mereka.

Kajian ini mendapati bahawa agro-pelancongan berpotensi untuk membangunkan komuniti nelayan terutamanya dari sudut pembangunan ekonomi, namun begitu beberapa penambahbaikan perlu dibuat supaya kesan positif dari potensi agro-pelancongan ini betul-betul dapat dinikmati secara maksimum oleh komuniti tempatan. Antara penambahbaikan yang mungkin boleh dilakukan adalah dengan meningkatkan lagi penglibatan komuniti tempatan secara aktif dalam proses perancangan pembangunan dan penglibatan dalam aktiviti yang boleh menjana ekonomi mereka; memberi latihan kemahiran dan pengetahuan berkaitan pelancongan; menjalankan promosi dan memberi kesedaran kepada penduduk setempat untuk merebut peluang dan menggalakkan pengunjung untuk melawat perkampungan nelayan; memperkasakan komuniti nelayan dalam pembangunan agro-pelancongan; dan menjalankan proses penilaian program agro-pelancongan secara berkala. Dengan usaha penambahbaikan tersebut, diharap dapat menjadikan aktiviti dan program agro-pelancongan DWN akan menjadi lebih mampan dan mencapai sasaran utamanya iaitu meningkatkan taraf sosio-ekonomi keluarga nelayan.



© COPYRIGHT UPM

Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in fulfilment of the requirement for the degree of Master of Science

**FACTORS AFFECTING POTENTIAL OF AGRO-TOURISM AMONG THE FISHERMEN COMMUNITY IN DESA WAWASAN NELAYAN**

By

**MAHAZAN BIN MUHAMMAD**

**July 2015**

**Chair : Azimi Bin Hamzah, PhD**
**Faculty : Institute of Social Science Studies**

In 2007, The Fisheries Development Authority of Malaysia (LKIM) has created a new tourism product that is based on the concept of fishermen agro-tourism in *Desa Wawasan Nelayan* (DWN) with the primary objective is for development of fishermen community and strengthen the economy of coastal communities, especially the fishermen communities. Previous studies have conclude that agro-tourism have positive potential towards economic development. However, most studies have been made in the farming community but inadequate research done on fishermen communities creates a gap in this research. Therefore, this study attempts to bridge this gap by conducting research on potential of agro-tourism in the context of fishermen communities.

Specifically, this study was conducted to; 1) identify the level of agro-tourism potential, 2) identify the level of participation, empowerment and knowledge of fishermen communities on agro-tourism, 3) determine the relationship between participation, empowerment and knowledge about the potential of agro-tourism, and 4) identify the predictor factors which influencing the agro-tourism potential. Quantitative study was chosen via survey methods using a questionnaires with multi-stage random sampling technique. A total of 282 respondents representing 10 DWN villages in peninsular Malaysia were involved. The data were analyzed using SPSS and AMOS software for descriptive and inferential statistical analysis.

Result showed that fisherman communities believed that agro-tourism has a very high potential for the economic development. Moreover, involvement was recorded at the lower level; while empowerment and knowledge were recorded at the high level. In addition, correlation test showed that there was a significant correlation between the three independent variables (involvement, empowerment and knowledge) and dependent variable (agro-tourism



© COPYRIGHT UPM

potential). Similarly, regression analysis showed the three independent variables were a significant predictor toward the dependent variable. Thus, the potential of agro-tourism is influenced by the involvement, empowerment and knowledge. The outcome of the study within the community supported the Social Exchange Theory (SET), those who obtained benefits from tourism will exchange to participate or will support the development of tourism for the future benefit of their communities.

The study showed that agro-tourism has the potential to be developed fishermen communities as a point of the economic development; however, some improvements were required in order to foresee its positive can lead toward maximum potential on the local communities. Some improvements were by increasing the involvement of local communities are actively in the process of development planning and involvement in activities that could generate their economy; provide training of skills and knowledge related to tourism; promoting and creating awareness among the local residents to grab the opportunity and promoting visitors to visit the fishermen villages; empower fishermen communities in the development of agro-tourism; and conduct the evaluation process of agro-tourism program periodically. With these improvement efforts, hopefully making activities and agro-tourism programme DWN will be more sustainable and achieve its main goal to improve the socio-economic status of fishermen families.

© COPYRIGHT UPM

# PENGHARGAAN

بسم الله الرحمن الرحيم

Segala puji dan syukur ke hadrat Allah (S.W.T) pemilik segala ilmu, kerana dengan izin dan limpah kurniaNya memberikan kepada saya peluang menjalankan kajian ini dan menyempurnakan tesis master sains ini sebagai memenuhi syarat keperluan untuk menamatkan pengajian Master Sains dalam bidang pengajian Pemajuan Desa di Universiti Putra Malaysia.

Terima kasih yang tidak terhingga diucapkan kepada Yg. Berbahagia Prof. Dr. Azimi Hamzah selaku Pengerusi Jawatankuasa Penyeliaan Tesis dan Yg. Berbahagia Prof. Bahaman Abu Samah selaku ahli dalam jawatankuasa penyelidikan ini yang tidak jemu dalam memberikan bimbingan dan panduan sehingga dapat saya menyempurnakan tesis ini. Tanpa tunjuk ajar dan seliaan mereka sudah pasti tesis ini tidak dapat disempurnakan dengan jayanya.

Kepada ahli keluarga, terutama isteri dan anakanda yang dikasihi Sharifah Raina dan Muslim Ramadhani, kedua ibubapa tersayang Muhammad Talib dan Fauziah Ismail serta kesemua ahli keluarga, ucapan terima kasih saya titipkan kepada mereka kerana dengan kasih sayang, dorongan dan sokongan mereka yang memberi inspirasi dan motivasi kepada saya untuk menamatkan pengajian ini dengan jayanya.

Setinggi-tinggi penghargaan juga ditujukan kepada semua pihak yang sama-sama terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam menjayakan penyelidikan ini terutamanya kepada sahabat akrab saya Abdul Hadi Sulaiman, Hayrol Azril Mohamed Shaffril, pensyarah-pensyarah, pegawai-pegawai, rakan-rakan di Institut Pengajian Sains Sosial serta komuniti nelayan pantai, ucapan jutaan terima kasih atas bantuan dan kerjasama yang dihulurkan.

6HPDNLQEDQDNNLWDEHODMDUVHPDNLQEDQDNDQJNLWDWLGDNWDKXHUDQD
LOPXODKLWXDQJDWOXV2OHKLWXDQJDQSHUQDKEHUKHQWLXQWXEHODMDU

Mahazan Muhammad
Kuala Lumpur,
9 Disember 2014
17 Safar 1436H



© COPYRIGHT UPM

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk ijazah Master Sains (Pemajuan Desa). Ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

**Azimi Hamzah, PhD**
Profesor
Fakulti Pegajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

**Bahaman Abu Samah, PhD**
Profesor
Fakulti Pegajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

**BUJANG KIM HUAT, PhD**
Profesor dan Dekan
SekolahPengajianSiswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh:

© COPYRIGHT UPM

**Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyeliaan**

Dengan ini, diperakukan bahawa:

- penyelidikan dan penulisan tesis ini adalah di bawah seliaan kami;
- tanggungjawab penyeliaan sebagaimana yang dinyatakan dalam Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) telah dipatuhi.

Tandatangan : ______________________________
Nama Pegerusi Jawatankuasa Penyeliaan : ______________________________

Tandatangan : ______________________________
Nama Ahli Jawatankuasa Penyeliaan : ______________________________

© COPYRIGHT UPM

## SENARAI KANDUNGAN


| | Muka Surat |
|---|---|
| **ABSTRAK** | i |
| ***ABSTRACT*** | iii |
| **PENGHARGAAN** | v |
| **PENGESAHAN** | vi |
| **PERAKUAN** | viii |
| **SENARAI JADUAL** | xiii |
| **SENARAI RAJAH** | xiv |

**BAB**

| | | |
|---|---|---|
| **1** | **PENGENALAN** | 1 |
| | 1.1 Latar Belakang Kajian | 1 |
| | 1.1.1 Industri Pelancongan di Malaysia | 2 |
| | 1.1.2 Pelancongan di Zon Pesisir Pantai | 3 |
| | 1.1.3 Agro-pelancongan di Desa Wawasan Nelayan | 3 |
| | 1.2 Pernyataan Masalah | 4 |
| | 1.3 Persoalan Kajian | 6 |
| | 1.4 Objektif Kajian | 6 |
| | 1.5 Kepentingan Kajian | 6 |
| | 1.6 Skop dan Limitasi Kajian | 7 |
| | 1.7 Definisi Istilah | 8 |
| | 1.7.1 Agro-pelancongan | 8 |
| | 1.7.2 Desa Wawasan Nelayan | 8 |
| | 1.7.3 Potensi agro-pelancongan | 8 |
| | 1.7.4 Penglibatan dalam agro-pelancongan DWN | 9 |
| | 1.7.5 Pemerkasaan | 9 |
| | 1.7.6 Pengetahuan dalam agro-pelancongan | 9 |
| | 1.8 Ringkasan | 10 |
| **2** | **SOROTAN LITERATUR** | 11 |
| | 2.1 Pengenalan | 11 |
| | 2.2 Konsep dan Definisi Pelancongan | 11 |
| | 2.3 Agro-pelancongan | 12 |
| | 2.4 Potensi Agro-pelancongan | 13 |
| | 2.5 Teori Pertukaran Sosial | 14 |
| | 2.6 Model Persepsi Penduduk Terhadap Pelancongan | 16 |
| | 2.7 Penglibatan Komuniti Tempatan dalam Pelancongan | 17 |
| | 2.8 Pemerkasaan Komuniti Tempatan dalam Pelancongan | 17 |
| | 2.9 Pengetahuan Komuniti Tempatan Berkaitan Pelancongan | 20 |
| | 2.10 Ringkasan | 21 |

| | | |
|---|---|---|
| **3** | **METODOLOGI** | 22 |
| | 3.1 Pengenalan | 22 |
| | 3.2 Rekabentuk Kajian | 22 |
| | 3.3 Kerangka Kajian | 23 |
| | 3.4 Instrumen Kajian | 24 |
| | 3.4.1 Skala Pengukuran | 24 |
| | 3.4.2 Formula Pengiraan Min | 25 |
| | 3.4.3 Formula Pengiraan Selang Kelas | 25 |
| | 3.5 Kaedah Persampelan | 25 |
| | 3.6 Populasi | 26 |
| | 3.7 Bilangan Saiz Sampel | 26 |
| | 3.8 Lokasi Kajian | 27 |
| | 3.9 Pengumpulan Data | 27 |
| | 3.10 Penganalisian Data | 28 |
| | 3.10.1 Analisis Deskriptif | 28 |
| | 3.10.2 Analisis Korelasi Pearson | 28 |
| | 3.10.3 Analisis Model Persamaan Struktural | 29 |
| | 3.11 Kajian Rintis | 30 |
| | 3.11.1 Ujian Kebolehpercayaan Instrumen | 30 |
| | 3.11.2 Analisis Pengesahan Faktor | 31 |
| | 3.11.3 Model Pengukuran Instrumen | 34 |
| | 3.12 Ringkasan | 38 |
| **4** | **HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN** | 39 |
| | 4.1 Pengenalan | 39 |
| | 4.2 Profil Demografi Responden | 39 |
| | 4.2.1 Jantina | 39 |
| | 4.2.2 Bangsa | 39 |
| | 4.2.3 Status Perkahwinan | 39 |
| | 4.2.4 Tahap Pendidikan | 40 |
| | 4.2.5 Umur | 40 |
| | 4.2.6 Pendapatan | 41 |
| | 4.3 Analisis Tahap | 41 |
| | 4.3.1 Potensi Agro-pelancongan | 42 |
| | 4.3.2 Penglibatan | 43 |
| | 4.3.3 Pemerkasaan | 44 |
| | 4.3.4 Pengetahuan | 46 |
| | 4.4 Perkaitan Pembolehubah Bebas Terhadap Pembolehubah Bersandar | 47 |
| | 4.5 Analisis Model Persamaan Struktural | 48 |
| | 4.6 Perbincangan | 49 |
| | 4.6.1 Profil Demografi Responden | 50 |
| | 4.6.2 Potensi Agro-pelancongan | 51 |
| | 4.6.3 Pengaruh Penglibatan Terhadap Potensi Agro-pelancongan | 52 |
| | 4.6.4 Pengaruh Pemerkasaan Terhadap Potensi Agro-pelancongan | 53 |
| | 4.6.5 Pengaruh Pengetahuan Terhadap Potensi Agro-pelancongan | 54 |
| | 4.7 Ringkasan | 55 |




© COPYRIGHT UPM

| | | |
|---|---|---|
| **5** | **RINGKASAN, KESIMPULAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN** | 57 |
| | 5.1 Pengenalan | 57 |
| | 5.2 Ringkasan Kajian | 57 |
| | 5.3 Kesimpulan | 60 |
| | 5.4 Implikasi Kajian | 61 |
| | 5.4.1 Implikasi Terhadap Teori | 61 |
| | 5.4.2 Implikasi Terhadap Praktis | 62 |
| | 5.4.3 Implikasi Terhadap Bidang Pengajian Pemajuan Desa | 62 |
| | 5.5 Cadangan Kajian | 63 |
| | 5.5.1 Cadangan Penambahbaikan Program Agro-pelancongan | 63 |
| | 5.5.2 Cadangan kepada Bidang Penyelidikan Akan Datang | 66 |
| | 5.3 Ringkasan | 67 |
| | **RUJUKAN** | 68 |
| | **LAMPIRAN** | 75 |
| | **BIODATA PELAJAR** | 81 |
| | **SENARAI PENERBITAN** | 82 |


© COPYRIGHT UPM

## SENARAI JADUAL

| Jadual | | Muka Surat |
|---|---|---|

| | | |
|---|---|---|
| 1 | Pembolehubah yang digunakan dalam kajian lepas berdasarkan teori pertukaran sosial | 15 |
| 2 | Kesan inisiatif pelancongan terhadap pemerkasaan komuniti tempatan | 19 |
| 3 | Lokasi persampelan dan bilangan responden | 27 |
| 4 | Nilai piawai fit-fit indek yang dicadangkan | 29 |
| 5 | Nilai *Cronbach Alpha* bagi ujian kebolehpercayaan kajian rintis dan selepas ditambahbaik | 31 |
| 6 | Indeks GOF bagi model pengukuran | 36 |
| 7 | CFA bagi model pengukuran | 37 |
| 8 | AVE dan korelasi kuasa dua untuk pembolehubah kajian | 37 |
| 9 | Profil jantina, bangsa, status perkahwinan dan tahap pendidikan responden | 40 |
| 10 | Profil umur dan pendapatan responden | 41 |
| 11 | Tiga tahap bagi analisis skor min | 42 |
| 12 | Taburan peratusan bagi item potensi agro-pelancongan | 42 |
| 13 | Tahap potensi yang dibawa oleh agro-pelancongan | 43 |
| 14 | Taburan peratusan bagi item penglibatan | 43 |
| 15 | Tahap penglibatan dalam agro-pelancongan | 44 |
| 16 | Taburan peratusan bagi item pemerkasaan | 45 |
| 17 | Tahap pemerkasaan dalam agro-pelancongan | 45 |
| 18 | Taburan peratusan bagi item pengetahuan | 46 |
| 19 | Tahap pengetahuan dalam agro-pelancongan | 47 |
| 20 | Perkaitan penglibatan, pemerkasaan dan pengetahuan terhadap potensi agro-pelancongan | 47 |
| 21 | Keputusan analisis SEM terhadap pembolehubah peramal kajian | 48 |

© COPYRIGHT UPM

## SENARAI RAJAH


| Rajah | | Muka Surat |
|---|---|---|
| 1 | Model Persepsi Penduduk Terhadap Pelancongan oleh Perdue, Long dan Allen (1990) | 16 |
| 2 | Kerangka konsepsual kajian | 23 |
| 3 | CFA pembolehubah potensi agro-pelancongan | 33 |
| 4 | CFA pembolehubah penglibatan | 33 |
| 5 | CFA pembolehubah pemerkasaan | 34 |
| 6 | CFA pembolehubah pengetahuan | 34 |
| 7 | Model pengukuran untuk semua pembolehubah | 35 |
| 8 | Analisis SEM bagi penglibatan, pemerkasaan dan pengetahuan terhadap potensi agro-pelancongan | 49 |


© COPYRIGHT UPM

# BAB 1

# PENGENALAN

Bab pengenalan ini membincangkan hal-hal yang berkaitan latar belakang kajian. Selepas itu, pernyataan masalah dan peroalan kajian bagi penyelidikan ini juga dijelaskan. Empat objektif kajian diutarakan bagi menjawab persoalan kajian yang timbul. Kemudian, penjelasan berkaitan kepentingan kajian, limitasi kajian dan definisi istilah juga dibincangkan bagi menghuraikan setiap perincian dan memahami lebih mendalam berkaitan penyelidikan ini.

## 1.1 Latar Belakang Kajian

Industri pelancongan merupakan sektor penggerak ekonomi beberapa buah negara dunia, justeru itu banyak negara dunia berusaha memajukan industri ini untuk tukaran wang asing dan menggalakkan pertumbuhan ekonomi di sekitar kawasan pelancongan (Md. Jahi, 2009). Hal ini tidak menghairankan kerana usaha membangunkan industri pelancongan ini dipercayai telah bermula seawal tahun 1800-an yang lalu lagi (Karabati *et al.,* 2009). Industri ini mula menjadi tumpuan sekitar tahun 1930-an dan 1940-an dalam kalangan masyarakat negara barat yang cuba mencari ketenangan dan melarikan diri dari tekanan semasa Zaman Kemelesetan dan Perang Dunia ke-2. Dalam usaha membangunkan industri pelancongan ini, banyak kawasan yang mempunyai keindahan semulajadi dan berpotensi dimajukan telah dibuka untuk menarik kedatangan pelancong.

Di negara-negara membangun, industri pelancongan merupakan satu sektor yang semakin berkembang pesat. Perkembangan ini terjadi kerana ramai para pelancong dari negara maju memilih untuk ke negara membangun yang mempunyai alam semula jadi yang masih belum terganggu oleh proses pembangunan yang pesat. Sektor pelancongan ini bukan hanya membantu meningkatkan hasil pendapatan malahan juga membantu dalam meningkatkan ekonomi negara. Pada tahun 2010, industri pelancongan telah diramalkan menjana sebanyak $ 5,474 bilion terhadap keluaran dalam negara kasar dunia dan membuka 219,810,000 peluang pekerjaan (World Travel and Tourism Council, 2009).

Industri pelancongan dan sektor pertanian mungkin adalah dua aspek yang berbeza tetapi kedua-duanya adalah komponen penting kepada ekonomi di kebanyakan negara termasuklah Malaysia. Walaupun industri pelancongan dan sektor pertanian jauh berbeza tetapi ia boleh diintegrasikan dengan pelbagai cara, antaranya ialah sektor agro-pelancongan. Pada asasnya agro-pelancongan ialah satu konsep pelancongan desa yang berkaitan dengan pertanian (Kunasekaran *et al.,* 2011; Lopez dan Garcia, 2006). Menurut Eduardo dan Francisco (2006), agro-pelancongan merujuk kepada aktiviti-aktiviti riadah yang dikendalikan oleh komuniti petani untuk pelancong.



© COPYRIGHT UPM

Biasanya, ia termasuklah aktiviti-aktiviti seperti program homestay, lawatan ke dusun buah-buahan, ladang ternakan, dan menyertai aktiviti harian komuniti setempat. Walau bagaimanapun, skop agro-pelancongan ini juga boleh merangkumi aktiviti-aktiviti seperti membeli-belah, hiburan dan juga pendidikan (Muhammad *et al.,* 2012). Masyarakat luar bandar yang menjadikan sektor pertanian sebagai pekerjaan utama mempunyai potensi sebagai destinasi pelancongan kerana keunikan kehidupan tempatan dan alam semulajadi yang menjadi daya tarikan pelancong untuk mencari ketenangan, khususnya eko pelancongan dan agro-pelancongan (Hiong, 2007; Richard dan Hall, 2000).

### 1.1.1 Industri Pelancongan di Malaysia

Malaysia merupakan salah sebuah daripada sebelas negara yang terletak di Asia Tenggara, yang berkongsi sempadan darat bersama dengan Thailand, Indonesia dan Brunei; dan juga sempadan maritim bersama dengan Singapura, Vietnam dan Filipina. Keluasan Malaysia meliputi kawasan seluas 329,758 kilometer persegi, dan terdiri daripada empat belas negeri yang terbahagi kepada dua kawasan iaitu Semenanjung Malaysia dan Kepulauan Borneo (juga dikenali sebagai Borneo Malaysia atau Malaysia Timur). Semenanjung Malaysia terbahagi kepada dua belas negeri; Perlis, Kedah, Pulau Pinang, Perak, Kelantan, Terengganu, Pahang, Selangor, Negeri Sembilan, Melaka, Wilayah Persekutuan dan Johor, manakala Kepulauan Borneo terbahagi kepada dua buah negeri; Sabah dan Sarawak (Marzuki *et al.,* 2010). Kawasan pesisir pantai Malaysia ialah sepanjang 4,809 kilometer kawasan pantai di mana beberapa bahagiannya didiami oleh manusia, terutamanya komuniti nelayan.

Malaysia sebagai sebuah negara yang juga mempunyai pelbagai tarikan pelancongan tidak terkecuali daripada menjadikan industri pelancongan sebagai salah satu sektor penggerak ekonomi negara. Menurut Marzuki *et al.,* (2010), walaupun aktiviti rekreasi dan pelancongan bermula seawal era kolonial lagi, tapi penglibatan kerajaan dalam pembangunan pelancongan hanya bermula pada tahun 1953 dengan kewujudan Jabatan Kebudayaan. Walau bagaimanapun, momentum pembangunan pelancongan hanya bermula pada tahun 1970-an, iaitu selepas Persidangan Kesatuan Pelancongan Kawasan Pasifik (PATA) di Kuala Lumpur pada tahun 1972. Persidangan tersebut telah memberi dimensi baru terhadap sudut pandang kerajaan dan masyarakat di Malaysia terhadap peluang meningkatkan ekonomi menerusi industri pelancongan. Pada tahun tersebut juga sebuah badan berkanun yang diberi nama Perbadanan Pelancongan Malaysia (TDC) telah ditubuhkan untuk memajukan sektor pelancongan dan rekreasi negara. Pada tahun 1987, kerajaan telah menubuhkan Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan kerana mengetahui kepentingan industri pelancongan sebagai salah satu sektor yang memainkan peranan penting kepada ekonomi dan pembangunan sosial negara (Marzuki *et al.,* 2010; Md. Jahi, 2009; Othman, 2007). Secara tidak langsung menjadi pemangkin kepada pembangunan kawasan luar bandar dan memberikan kepelbagaian kepada ekonomi negara.



© COPYRIGHT UPM

### 1.1.2 Pelancongan di Zon Pesisir Pantai

Negara ini amat bertuah kerana memiliki pakej alam semulajadi yang indah, kepelbagaian spesies flora dan fauna, banjaran gunung, pantai dan pulau yang amat cantik sebagai aset kepada industri pelancongan. Dalam usaha membangunkan industri pelancongan negara ini, pelbagai usaha telah dilakukan untuk memperkenalkan keindahan dan kecantikan Negara Malaysia di mata dunia melalui Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan.
Walaupun industri pelancongan negara telah berkembang pesat sejak tiga dekad yang lalu, namun begitu pembangunan ini banyak tertumpu di kawasan berhampiran dengan pantai (Badaruddin, 2006). Dengan memiliki pantai sepanjang 4,809 kilometer dan pulau-pulau yang cantik, menjadikan zon pesisir pantai Malaysia sebagai daya tarikan utama pelancongan negara yang menjadi tumpuan bukan hanya pelancong luar negara, tetapi juga pelancong domestik (Md. Jahi, 2009). Justeru itu, banyak destinasi-destinasi pelancongan telah dibangunkan di kawasan pinggiran pantai. Pantai-pantai seperti Port Dickson, Batu Ferringhi, Cherating, Teluk Cempedak, Rantau Abang, Tanjung Aru dan pulau-pulau seperti Pangkor, Langkawi, Perhentian, Redang, Tioman, Layang-layang dan sebagainya menjadi sangat popular bukan saja kepada pelancong domestik tetapi juga terkenal kepada pelancong antarabangsa sebagai destinasi pilihan percutian.

### 1.1.3 Agro-pelancongan di Desa Wawasan Nelayan

Pada tahun 2007, Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM), Persatuan Nelayan Negeri (PNN) dan Persatuan Nelayan Kawasan (PNK) telah mengambil satu inisiatif baru dalam industri pelancongan dengan mewujudkan konsep agro-pelancongan di perkampungan nelayan yang bertemakan “Suasana Kehidupan Nelayan”. Program agro-pelancongan ini dijalankan di beberapa perkampungan nelayan yang diiktiraf oleh LKIM sebagai Desa Wawasan Nelayan (DWN). Berbeza dengan agro-pelancongan yang biasa terdapat di Malaysia yang lebih memberi fokus kepada keindahan ladang-ladang teh ataupun bunga, lawatan ke dusun buah-buahan dan ladang ternakan sebagai tarikan utama pelancong untuk datang, agro-pelancongan DWN di perkampungan nelayan lebih tertumpu kepada keindahan pantai dan warna-warni keunikan kehidupan nelayan. Antara aktiviti yang terdapat dalam agro-pelancongan DWN seperti sukan memancing, kelong, berkelah, melihat kelip-kelip, homestay (inap desa), chelet nelayan, medan ikan bakar, ikan celup tepung dan sebagainya yang mana semuanya berasaskan kepada keistimewaan dan keindahan perkampungan nelayan yang dijadikan aset dan tarikan untuk memenuhi citarasa dan pilihan setiap pengunjung.

Secara umumnya tujuan program agro-pelancongan DWN diwujudkan adalah untuk mempromosi kecantikan dan keunikan kehidupan masyarakat nelayan kepada masyarakat luar, secara tidak langsung dapat meningkatkan pendapatan keluarga nelayan yang terlibat dalam aktiviti agro-pelancongan. Dengan wujudnya industri agro-pelancongan di DWN ini sekaligus akan dapat membawa potensi kewujudan peluang-peluang pekerjaan kepada komuniti nelayan dalam industri pelancongan, meningkatkan kemahiran nelayan dalam



© COPYRIGHT UPM

bidang pelancongan dan keusahawanan, meningkatkan nilai tambah sumber perikanan kepada industri hiliran, mempercepatkan pertumbuhan ekonomi di perkampungan nelayan tradisional, dan yang terakhir untuk menggalakkan rakyat tempatan dan pelancong asing datang melancong dalam negara, sekaligus dapat membantu merancakkan ekonomi setempat dan menembah pendapatan negara melalui pertukaran wang asing (LKIM, 2007).

Penglibatan komuniti tempatan dalam pembangunan dan aktiviti agro-pelancongan DWN ini memainkan peranan yang penting bagi memaksimumkan keupayaan potensi peluang ekonomi yang dibawa oleh agro-pelancongan DWN disamping dapat mengembangkan rasa memiliki oleh komuniti tempatan terhadap inisiatif pembangunan yang dirancang oleh LKIM. Untuk mencapai tujuan ini juga, pemerkasaan komuniti tempatan perlu dibuat dengan harapan bila keupayaan komuniti meningkat maka mereka akan mampu membangunkan komuniti mereka sendiri. Di samping itu juga, aspek pengetahuan dalam sektor agro-pelancongan juga tidak kurang pentingnya kerana dengan adanya pengetahuan berkaitan agro-pelancongan DWN ini komuniti nelayan akan lebih sedar tentang potensi positif peningkatan ekonomi yang dibawa oleh pembangunan agro-pelancongan dan dapat mengurangkan konflik yang akan timbul di antara komuniti setempat dan projek pembangunan pelancongan (Davis *et al.,* 1988).

## 1.2 Pernyataan Masalah

Agro-pelancongan DWN menjadi fokus kepada kajian ini kerana ia boleh dianggap sebagai salah satu alat yang berpotensi dalam memberi kesan yang signifikan kepada pembangunan ekonomi masyarakat luar bandar (Liu, 2006), di mana dalam kajian ini subjeknya tertumpu kepada komuniti nelayan. Oleh itu, penglibatan ahli komuniti setempat dari akar umbi dalam program agro-pelancongan ini merupakan antara faktor utama untuk komuniti tersebut mendapat faedah pembangunan ekonomi yang dibawa oleh industri pelancongan di tempat mereka (Kalsom & Nor, 2006). Kegagalan komuniti setempat melibatkan diri dalam program pembangunan pelancongan akan menyebabkan faedah ekonomi yang positif menjadi minimum, hal ini berlaku kerana mereka tidak bertindak balas terhadap peluang-peluang pekerjaan sampingan yang dibawa oleh industri pelancongan sebagai satu cara untuk menambahbaik taraf ekonomi kehidupan mereka (Muhammad *et al.,* 2012; Kunasekaran *et al.,* 2011). Manakala, Scheyvens (2000) menyatakan sekiranya terlalu sedikit atau tiada penglibatan komuniti setempat dalam program pembangunan pelancongan di kawasan mereka akan menyebabkan komuniti tersebut tidak mempunyai kuasa untuk mempengaruhi sebarang keputusan yang berkaitan dengan aktiviti pelancongan, dan lebih buruk lagi ia boleh membawa kepada konflik dan masalah di antara komuniti setempat dan pihak yang terlibat (Muhammad *et al.,* 2012; Höckert, 2009).

Di samping itu, pemerkasaan komuniti setempat juga perlu dibangunkan seperti dalam aspek membuat keputusan dan sebagainya untuk memperluaskan keupayaan komuniti setempat dalam mempengaruhi dan



© COPYRIGHT UPM

mengukuhkan penyertaan mereka dalam proses membuat keputusan projek pembangunan pelancongan yang boleh membawa impak kepada kehidupan mereka.

Kajian-kajian yang lepas juga merumuskan bahawa pengetahuan penduduk tempatan berkaitan pelancongan membawa potensi kepada pembangunan ekonomi yang dibawa oleh industri pelancongan. Kajian-kajian yang lepas mendapati semakin ramai penduduk tempatan mempunyai pengetahuan berkaitan pelancongan di tempat mereka, maka semakin banyak kesan positif yang mereka perolehi dari industri pelancongan tersebut (Andereck *et al.,* 2005; Lankford *et al.,* 1994; Devis *et al.,* 1988).

Berdasarkan penelitian dari sorotan kajian-kajian lepas, telah banyak penyelidikan samaada dari dalam atau luar negara yang membuat penyelidikan mengenai potensi agro-pelancongan terhadap sosio-ekonomi serta kesan fizikal pembangunan agro-pelancongan terhadap alam sekitar (Muhammad *et al.,* 2012; Kunasekaran *et al.,* 2011). Namun begitu, kebanyakan subjek kajian tersebut dijalankan dalam kalangan komuniti petani dan peladang, manakala kajian terhadap komuniti nelayan amat sedikit dan tidak mencukupi terutamanya dalam konteks agro-pelancongan di Malaysia, situasi ini secara tidak langsung mewujudkan jurang dalam penyelidikan ini. Selain itu, berdasarkan penelitian sorotan literatur didapati terlalu sedikit pembolehubah pemerkasaan yang digunakan dalam kajian lepas dengan menggunakan teori pertukaran sosial sebagai asas untuk menjelaskan mengapa penduduk tempatan bertindak balas terhadap potensi yang dibawa oleh pelancongan. Justeru itu, diharap kajian ini dapat merapatkan jurang yang wujud ini dalam konteks berkaitan pembolehubah pemerkasaan dan teori pertukaran sosial.

Kebanyakan kajian telah membuktikan bahawa agro-pelancongan berpotensi dalam memberi kesan yang signifikan terhadap pembangunan sosio-ekonomi dalam kalangan komuniti petani, namun begitu bolehkah potensi yang sama didapati dalam konteks berkaitan agro-pelancongan dalam kalangan komuniti nelayan di Malaysia. Oleh itu, amat wajar untuk memberikan perhatian kepada persoalan-persoalan yang timbul dalam program agro-pelancongan ini, seperti adakah agro-pelancongan ini benar-benar berpotensi dalam meningkatkan taraf ekonomi komuniti masyarakat nelayan yang tinggal di destinasi pelancongan DWN. Bagaimana pula tentang tahap penglibatan, pemerkasaan dan pengetahuan komuniti nelayan; adakah ia saling mempengaruhi terhadap potensi ekonomi yang dibawa oleh program agro-pelancongan ini. Oleh itu, kajian ini cuba untuk mengetahui potensi agro-pelancongan dan juga memahami sumbangan faktor penglibatan, pemerkasaan dan pengetahuan komuniti nelayan terhadap program agro-pelancongan serta perkaitannya terhadap potensi yang dibawa oleh program agro-pelancongan di perkampungan nelayan yang digelar sebagai Desa Wawasan Nelayan.



© COPYRIGHT UPM

## 1.3 Persoalan Kajian

Secara umumnya, kajian ini cuba menjawab persoalan berikut:

1. Apakah potensi agro-pelancongan di Desa Wawasan Nelayan?
2. Apakah tahap penglibatan, pemerkasaan dan pengetahuan terhadap agro-pelancongan dalam kalangan komuniti nelayan di Desa Wawasan Nelayan?
3. Adakah terdapat perkaitan antara penglibatan, pemerkasaan dan pengetahuan terhadap potensi yang dibawa oleh agro-pelancongan di Desa Wawasan Nelayan?
4. Apakah faktor-faktor peramal yang mempengaruhi potensi agro-pelancongan?

## 1.4 Objektif Kajian

Objektif umum kajian ini dijalankan adalah untuk mengenal pasti persepsi masyarakat nelayan terhadap potensi agro-pelancongan yang dibawa oleh agro-pelancongan.

Manakala objektif khusus kajian ini ialah seperti berikut:

1. Mengenal pasti tahap potensi agro-pelancongan.
2. Mengenal pasti tahap penglibatan, pemerkasaan dan pengetahuan komuniti nelayan terhadap agro-pelancongan.
3. Menentukan perkaitan di antara penglibatan, pemerkasaan dan pengetahuan terhadap potensi agro-pelancongan.
4. Mengenal pasti faktor-faktor peramal yang mempengaruhi potensi agro-pelancongan.

## 1.5 Kepentingan Kajian

Secara umumnya, masyarakat luar bandar sering dikaitkan dengan pekerjaan tradisional sebagai sumber utama pendapatan mereka yang mana kadangkala pendapatannya tidak menentu dan rendah jika dibandingkan dengan kos sara hidup harian. Oleh itu, sektor pelancongan merupakan satu pilihan alternatif untuk merangsang pembangunan ekonomi masyarakat luar bandar dengan mewujudkan pendapatan sampingan dan peluang pekerjaan baru kepada penduduk (Liu, 2006). Lantaran itu, agro-pelancongan DWN menjadi fokus dalam kajian ini kerana ia merupakan pendekatan alternatif LKIM yang dipertanggungjawabkan dalam membangunkan komuniti nelayan khususnya dari sudut memperkasakan ekonomi masyarakat nelayan di Malaysia. Kajian ini juga cuba meleraikan persoalan-persoalan kajian yang telah ditetapkan dalam usaha mengetahui potensi sebenar pembangunan ekonomi yang dibawa oleh program agro-pelancongan DWN berdasarkan faktor penglibatan, pemerkasaan dan pengetahuan.

© COPYRIGHT UPM

Berdasarkan carian dan pembacaan jurnal dan hasil penyelidikan tempatan dan luar negara, kebanyakan kajian-kajian berkaitan agro-pelancongan lebih tertumpu pada masyarakat tani dan terdapat kekurangan kajian ke atas masyarakat nelayan khususnya di Malaysia. Oleh itu, kajian ini diharap dapat memberi satu gambaran mengenai pelaksanaan agro-pelancongan dalam konteks masyarakat nelayan. Kajian ini juga merupakan kajian kuantitatif yang pertama dalam penilaian program agro-pelancongan DWN dan diharap hasil kajian ini dapat menambahkan sumber maklumat berkaitan sektor pelancongan di perkampungan nelayan di Malaysia terutamanya kepada bidang pengajian pemajuan desa.

Selain itu, daripada maklumat yang diperolehi melalui penelitian literatur dan maklumat dari Perbincangan Kumpulan Berfokus (FGD) bersama responden semasa proses membangunkan instrumen, beberapa faktor yang boleh mempengaruhi potensi agro-pelancongan telah dicadangkan dalam kajian ini dengan menggunakan teori pertukaran sosial sebagai asas kajian. Melalui hasil dapatan kajian ini, satu model kajian berkaitan potensi agro-pelancongan telah dibangunkan menggunakan analisis model persamaan struktural. Oleh itu, ia diharap dapat menyumbangkan pemahaman berkaitan beberapa faktor peramal yang boleh mempengaruhi potensi agro-pelancongan selain dapat mengukuhkan lagi teori yang digunakan.

